



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBr.
Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 20 November 2024.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	Tingkat Usaha Pastikan Remaja Berstatus Ibu Terus Bersekolah, Kerajaan Digesa https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/20/tingkat-usaha-pastikan-remaja-berstatus-ibu-terus-bersekolah-kerajaan-digesas/ https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/11/20/step-up-efforts-to-keep-teen-mums-in-school-groups-urge-govt/	FMT FMT	Neutral
2.	JKM Cari Waris Wanita Warga Emas Bernama Chen Tian Kyau https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/19/jkm-cari-waris-wanita-warga-emas-bernama-chen-tian-kyau	Utusan Borneo	Neutral
3.	Lima Daerah Di Terengganu Terjejas Babit 1,622 Mangsa https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/lima-daerah-di-terengganu-terjejas-babit-1-622-mangsa-x99g32y https://www.sinarharian.com.my/article/697506/berita/semasa/kemaman-dilanda-banjir https://www.sinarharian.com.my/article/697531/edisi/terengganu/banjir-5000-penduduk-berpindah-dalam-tempoh-kurang-tiga-jam	Astro Awani Sinar Harian Sinar Harian	Neutral

https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jumlah-mangsa-banjir-di-terengganu-meningkat-lima-daerah-terjejas-497062	Astro Awani
https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1326142/selepas-kemaman-3-lagi-daerah-di-terengganu-terjejas-banjir	Berita Harian
https://www.buletintv3.my/nasional/tiga-lagi-daerah-di-terengganu-terlibat-banjir/	Buletin TV3
https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1156942/banjir-5-daerah-di-terengganu-terjejas-2765-mangsa-dipindahkan	Harian Metro
https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kemaman-dilanda-banjir-dua-pps-diaktifkan-497048	Astro Awani
https://www.kosmo.com.my/2024/11/19/5000-penduduk-kemaman-terjejas-banjir/	Kosmo
https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2365339	Bernamea
https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2365312	Bernamea
https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/2765-mangsa-banjir-dipindahkan-di-14-pps/	Utusan
https://malaysiagazette.com/2024/11/19/5000-mangsa-banjir-di-kemaman-dipindahkan-ke-pps/	Malaysia Gazette
https://www.buletintv3.my/nasional/5000-mangsa-banjir-di-kemaman-dipindahkan/	Buletin TV3
https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/19/kemaman-dilanda-banjir-gelombang-pertama-ntl/	FMT
https://thesun.my/cerita/berita/banjir-di-terengganu-makin-buruk-AA13315335	The Sun
https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1326070/kemaman-daerah-pertama-di-terengganu-dilanda-banjir	Berita Harian
https://www.malaysiakini.com/news/726438	Malaysia Kini

	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mangsa-banjir-kemaman-terus-meningkat-kepada-lebih-2000-497077 https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1156801/kemaman-dilanda-banjir-penduduk-mula-dipindah https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2365339 https://www.kosmo.com.my/2024/11/19/banjir-merebak-ke-hulu-terengganu-marang-dan-setiu/	Astro Awani Harian Metro Bernama Kosmo	
4.	JKMS Salur RM7.3 Juta Bantuan Bencana https://www.tvsarawak.my/2024/11/19/jkms-salur-rm7-3-juta-bantuan-bencana/	TV Sarawak	Neutral
5.	Wajib Patuh Garis Panduan Libatkan Pelakon Kanak-Kanak https://malaysiagazette.com/2024/11/19/wajib-patuh-garis-panduan-libatkan-pelakon-kanak-kanak/#google_vignette	Malaysia Gazette	Neutral
6.	Murid Tahun Lima Lemas Dalam Parit https://www.kosmo.com.my/2024/11/19/murid-tahun-lima-lemas-dalam-parit/ https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/kanak-kanak-11-tahun-ditemukan-lemas-dalam-parit/	Kosmo Utusan	Neutral
7.	Dera Bayi: Pengasuh Dipenjara Enam Bulan, Denda RM10,000 https://www.buletintv3.my/mahkamah/dera-bayi-pengasuh-dipenjara-enam-bulan-denda-rm10000/#google_vignette https://www.sinarharian.com.my/article/697465/berita/semasa/bekas-pengasuh-taska-dera-bayi-dijel-enam-bulan-denda-rm10000/#google_vignette https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1326023/pengasuh-dipenjara-6-bulan-denda-rm10000-dera-bayi-7-bulan	Buletin TV3 Sinar Harian Berita Harian	Neutral

8.	<p>Polis Mohon Bantuan Kesan Wanita Hilang</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/697535/berita/semasa/polis-mohon-bantuan-kesan-wanita-hilang</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1326161/wanita-hilang-sejak-jumaat-hanya-kenderaan-ditemui</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=OmpJvDitJgc</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-mohon-bantuan-kesan-wanita-hilang-497063</p> <p>https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2365316</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Berita Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Astro Awani</p> <p>Bernamea</p>	Neutral
9.	<p>'Dua Wanita Warga Bangladesh Diselamatkan Jadi Pekerja Seks'</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/697490/berita/semasa/dua-wanita-warga-bangladesh-diselamatkan-jadi-pekerja-seks</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/11/19/2-wanita-bangladesh-diselamatkan-dari-jadi-mangsa-pemuas-nafsu/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/mangsa-eksploitasi-seks-dua-wanita-warga-bangladesh-terseleamat-jim</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Berita RTM</p>	Neutral
10.	<p>Wanita Maut, Anak Parah Digilis Kereta Api</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1325994/wanita-maut-anak-parah-digilis-kereta-api</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=wS0pHG2WSyU</p> <p>https://majoriti.com.my/berita/2024/11/19/video-wanita-maut-digilis-kereta-api-ketika-jemput-anak-pulang-sekolah-di-sabah</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/19/wanita-maut-anak-parah-dirempuh-kereta-api/</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Majoriti</p> <p>FMT</p>	Neutral

	https://thesun.my/cerita/berita/wanita-maut-anak-cedera-parah-dirempuh-kereta-api-FA13311756 https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2365103 https://www.melakahariini.my/wanita-maut-anak-cedera-parah-dirempuh-kereta-api/#google_vignette https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1156731/wanita-maut-anak-parah-dirempuh-kereta-api https://www.malaysiakini.com/news/726379	The Sun Bernama Melaka Hari Ini Harian Metro Malaysia Kini	
11.	Penjawat Awam Wanita Terengganu Mahu Lebih Ramai Pemandu Sejahtina https://www.kosmo.com.my/2024/11/19/penjawat-awam-wanita-terengganu-mahu-lebih-ramai-pemandu-sejahtina/#google_vignette https://harakahdaily.net/index.php/2024/11/19/perluas-ambilan-pemandu-wanita-di-agensi-kerajaan/	Kosmo Harakah Daily	Neutral
12.	Mayat Wanita Ditemui Dalam Kereta https://malaysiagazette.com/2024/11/20/mayat-wanita-ditemui-dalam-kereta/	Malaysia Gazette	Neutral
13.	Duit Pencen Pesara Guru Lebih RM570,000 Lebur Ditipu Sindiket Pelaburan Emas https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1325894/duit-pencen-pesara-guru-lebih-rm570000-lebur-ditipu-sindiket-pelaburan https://www.melakahariini.my/pesara-guru-rugi-lebih-setengah-juta-ditipu-syarikat-pelaburan-emas/#google_vignette	Berita Harian Melaka Hari Ini	Neutral

	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/pesara-guru-rugi-lebih-rm500-000-terpedaya-pelaburan-emas	Berita RTM	
14.	Kudung Digilis Kereta Api, Sulaiman Gigih Bekerja Demi Minat https://www.sinarharian.com.my/article/697369/edisi/kelantan/kudung-digilis-kereta-api-sulaiman-gigih-bekerja-demi-minat#google_vignette	Sinar Harian	Neutral
15.	Status OKU Tidak Halang Nazihah Genggam Ijazah https://www.sinarharian.com.my/article/697446/edisi/johor/status-oku-tidak-halang-nazihah-genggam-ijazah https://www.kosmo.com.my/2024/11/19/status-oku-beri-semangat-nazihah-genggam-ijazah/	Sinar Harian Kosmo	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

TINGKAT USAHA PASTIKAN REMAJA BERSTATUS IBU TERUS BERSEKOLAH, KERAJAAN DIGESA

PETALING JAYA: Dua kumpulan hak asasi kanak-kanak menggesa kerajaan meningkatkan usaha menyediakan pendidikan dan sokongan lain untuk remaja berstatus ibu.

Presiden Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia, Raj Karim, berkata remaja dalam keadaan itu lazimnya kurang mendapat sokongan kewangan dan emosi daripada keluarga menyebabkan terpaksa berhenti sekolah untuk menjaga anak mereka.

Beliau berkata, mendidik remaja terbabit dan ibu bapa mereka akan membolehkan semua pihak membuat keputusan lebih termaklum.

“Pendidikan adalah kunci untuk kanak-kanak, ibu bapa dan masyarakat,” katanya kepada FMT.

“Akses kepada perkhidmatan kesihatan reproduktif dan seksual perlu disediakan supaya kanak-kanak berkenaan tahu di mana boleh mendapatkan bantuan jika diperlukan.”

Raj berkata, walaupun khidmat kaunseling disediakan, tiada inisiatif pembangunan remaja komprehensif buat masa ini yang dapat memberikan “perkhidmatan pelbagai faktor atau agensi” diperlukan remaja berstatus ibu.

Pada 10 Nov lalu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Nancy Shukri mendedahkan 44,263 kes direkodkan melibatkan kehamilan bawah umur sejak lima tahun lalu, dengan 26,617 membabitkan remaja yang berkahwin secara sah.

Pelajar Bukan Pengantin (PBP), gabungan NGO dan aktivis berkempen menamatkan perkahwinan kanak-kanak di Malaysia, menggesa program pendidikan menggabungkan perkhidmatan reproduktif dan kesihatan seksual diwujudkan.

Menurutnya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat patut bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan, Kementerian Belia dan Sukan serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia untuk memastikan program sekolah cukup sesuai bagi menawarkan perkhidmatan sedemikian.

Menurut PBP, Malaysia juga perlu membantu melindungi hak seksual dan reproduktif golongan bawah umur dengan menawarkan jadual persekolahan fleksibel, pembelajaran dalam talian atau program pembelajaran separuh masa sesuai dengan keperluan remaja berstatus ibu.

“Ramai ibu remaja berdepan cabaran mengimbangi penjagaan anak dengan kerja sekolah, jadi dasar kehadiran lebih fleksibel serta platform pembelajaran maya dapat membantu mereka meneruskan pendidikan.

“Mewujudkan program penjagaan kanak-kanak dengan kos berpatutan atau percuma di sekolah atau lokasi berhampiran juga akan membolehkan remaja berstatus ibu meneruskan pendidikan tanpa terbeban mencari tempat penjagaan anak yang selamat dan boleh dipercayai.

“Ini mesti seiring bantuan kewangan untuk remaja terlibat, seperti subsidi dan biasiswa,” katanya FMT.

Gabungan itu berkata, pentadbiran sekolah, guru, kakitangan dan pelajar patut menjalani latihan kesedaran serta sensitiviti untuk membantu mereka memahami cabaran dihadapi remaja berstatus ibu, selain menggalakkan mereka menunjukkan lebih belas kasihan.

Menurutnya, ini dapat menggalakkan persekitaran sekolah yang memberi sokongan dan tidak menghukum ibu muda, yang boleh dicapai menerusi kumpulan sokongan rakan sebaya, program mentor serta aktiviti sekolah inklusif.

“Dasar yang dilaksanakan dan dikuatkuasakan di sekolah juga patut menyasarkan untuk melindungi hak remaja berkenaan bagi meneruskan pendidikan tanpa diskriminasi dan stigma.”

JKM CARI WARIS WANITA WARGA EMAS BERNAMA CHEN TIAN KYAU

LUNDU: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)
KOTA KINABALU: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memohon kerjasama orang ramai bagi mengesan waris kepada seorang wanita warga emas yang juga seorang OKU penglihatan bernama Chen Tian Kyau berusia 80 tahun.

JKM dalam satu kenyataan memaklumkan, alamat terakhir warga emas ini adalah di Kepayan Ridge Kota Kinabalu dan pihak JKM difahamkan bahawa beliau mempunyai adik-beradik dan anak kandung bagaimanapun sudah terputus hubungan.

“Penama kini sedang dijaga buat sementara waktu oleh salah seorang abang kandungnya yang menetap di Tuaran, namun beliau tidak mampu menjaga klien ini disebabkan beliau juga warga emas berusia 84 tahun dengan penyakit kronik.

“Pada masa sama, abang wanita ini juga perlu menjaga isterinya yang juga seorang pesakit kanser,” katanya.

Beliau berkata, abang warga emas ini kemudian datang ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Tuaran dan dibawa ke Klinik Kesihatan untuk mendapatkan rawatan selain diberikan tempat tinggal sementara.

Katanya, beliau kemudiannya dirujuk ke Pejabat Kebajikan Bahagian Kota Kinabalu untuk urusan mengesan waris dan urusan selanjutnya.

“JKM meminta sesiapa yang mengenali warga emas ini agar menghubungi Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat, Rita Robert Rawantas di Pejabat Kebajikan Bahagian Kota Kinabalu, menerusi talian 088-269821 atau emel kepada rita.robert@jkm.gov.my ,” katanya.

JKMS SALUR RM7.3 JUTA BANTUAN BENCANA

KUCHING, 19 Nov: Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS) telah menyalurkan RM7.3 juta bantuan bencana kepada 153,981 mangsa dari Januari hingga Oktober tahun ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (KPWKK), Dato Sri Fatimah Abdullah berkata bantuan tertinggi adalah RM3.8 juta untuk bekalan air bersih semasa kemarau, yang disalurkan kepada 117,633 orang.

“Sebagai persediaan menghadapi Monsun Timur Laut, kerajaan telah menyediakan stok bantuan bencana kepada mangsa di Depoh Simpanan Keperluan Bencana Samarahan, Mini Depoh di Miri dan Lawas,” katanya.

Jelasnya, sebanyak 16 stor bantuan bencana telah ditempatkan di pejabat kebajikan bahagian dan daerah di seluruh Sarawak bagi memastikan penyaluran bantuan yang cepat dan efisien kepada mangsa-mangsa bencana.

Selain itu, 31 pangkalan hadapan bencana juga telah diwujudkan sebagai pusat operasi sementara untuk menyelaraskan bantuan serta aktiviti pemulihan bencana di kawasan terjejas.

Langkah ini diambil untuk memperkukuhkan lagi kesiapsiagaan dan respons jabatan dalam menangani sebarang bencana yang berlaku di negeri ini.

Dalam ucapan sama, beliau mendedahkan setakat Oktober tahun ini, sejumlah RM4.5 juta telah dibelanjakan bagi memberi manfaat kepada 110 pesakit di bawah Skim Bantuan Alat Tiruan atau Sokongan.

“Seramai 184 pesakit di bawah Skim Bantuan Pesakit Buah Pinggang (BPBP) dan 52 pesakit di bawah Skim Bantuan Perubatan,” katanya. – TVS

MURID TAHUN LIMA LEMAS DALAM PARIT

BAGAN SERAI – Seorang kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun ditemui lemas di dalam parit di sebuah ladang di Kampung Jalan Baharu, Matang Jelutong di sini kira-kira pukul 5.30 petang hari ini.

Kanak-kanak itu, Ahmad Khalif Shahrizal, 11, yang merupakan murid tahun lima di Sekolah Kebangsaan Kuala Kurau dikatakan bersama tiga orang rakan sebaya telah pergi ke belakang rumahnya untuk melihat jentera pengorek melakukan kerja-kerja membuat parit ladang di sana.

Pemandu jentera, Mohamad Fahmi Sohaime, 34, berkata, seramai empat kanak-kanak lelaki termasuk mangsa telah ke lokasi tempat kerjanya dan mereka meminta izin untuk melihat dia mengorek parit.

“Mangsa dan rakannya teringin untuk menaiki jentera pengorek dan disebabkan kasihan, saya memberi keizinan kepada mereka.

“Semasa itu mereka berada di seberang parit iaitu bertentangan dengan jentera, lalu mangsa dan rakan-rakan berjalan ke arah belakang jentera untuk mendekati saya,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Menurutnya, selepas melihat kesemua kanak-kanak itu menuju ke belakang jentera, dia terus melakukan kerja-kerja mengorek parit sehinggalah rakan sekerjanya memaklumkan mangsa telah lemas di dalam parit.

Sementara itu, rakan Ahmad Khalif, Muhammad Nur Fattah Alim Azhar, 10, berkata, semasa berjalan menuju ke arah jentera, mangsa mengajak mereka untuk terjun ke dalam parit.

“Semasa berada di dalam air, saya melihat tangan mangsa terkapai-kapai di tengah parit menyebabkan saya dan rakan-rakan menjerit meminta tolong kepada salah

seorang pemandu jentera dan mereka cuba mencari mangsa namun gagal,” katanya.

Seorang penduduk dikenali sebagai Amin, 34, berkata, ayah mangsa bergegas ke lokasi bersama penduduk kampung untuk melakukan pencarian sebelum menemui mangsa di dasar parit sekitar pukul 5.30 petang. – KOSMO! ONLINE

POLIS MOHON BANTUAN KESAN WANITA HILANG



Polis menerima laporan kehilangan Junaida Abdul Rahim daripada kakak kandungnya pada jam 12.58 tengah malam semalam.

SHAH ALAM - Polis meminta bantuan orang ramai bagi mengesan seorang wanita berusia 42 tahun yang dilaporkan hilang sejak keluar bekerja pada Jumaat lepas.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Mohd Iqbal Ibrahim berkata, pihaknya menerima laporan kehilangan Junaida Abdul Rahim daripada kakak kandungnya pada jam 12.58 tengah malam semalam.

Beliau berkata, wanita yang masih bujang berketinggian 150 sentimeter itu dipercayai keluar dari rumah sewanya di Seksyen 17 di sini sekitar jam 11 pagi menaiki kenderaan jenis Mitsubishi Triton dipercayai untuk ke tempat kerja di Subang Jaya.

"Sejak itu, wanita berkulit kuning langsung dan bertudung itu tidak dapat dihubungi," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Selasa.

Mohd Iqbal berkata bagaimanapun, kereta dinaiki mangsa yang merupakan pemilik sebuah agensi takaful di Subang Jaya itu telah ditemukan di tepi jalan di Jalan Ampang, dekat sini.

Beliau berkata, selain laporan dibuat kakak mangsa, polis turut menerima laporan berhubung kehilangan wanita itu daripada rakan di tempat kerja serta rakan serumahnya.

"Siasatan awal mendapati tidak berlaku sebarang perselisihan faham antara mangsa dengan rakan serumah dan siasatan diklasifikasikan di bawah orang hilang," katanya.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan individu tersebut diminta tampil ke balai polis berdekatan atau menghubungi Pegawai Penyiasat Insp Mohd Shahrul Bakhri di 012-2630512 bagi membantu siasatan. – Bernama

PENJAWAT AWAM WANITA TERENGGANU MAHU LEBIH RAMAI PEMANDU SEJANTINA

KUALA TERENGGANU – Kerajaan negeri Terengganu disaran agar melantik lebih ramai wanita sebagai pemandu demi keselesaan dan kebajikan penjawat awam wanita.

Zuraida Md. Noor (Pas – Ladang) berkata, beliau banyak mendapat maklum balas daripada penjawat awam wanita negeri tersebut yang mengadu kurang selesa menggunakan kenderaan agensi kerajaan untuk tugas rasmi bersama pemandu lelaki.

“Kadangkala pegawai wanita (kerajaan negeri Terengganu) terpaksa melakukan perjalanan jauh untuk mesyuarat dan program rasmi dan mereka menyatakan kurang selesa bermusafir hanya berdua dengan pemandu lelaki.

“Saya harap perkara ini diberi perhatian kerajaan negeri agar penjawat awam wanita dapat menggunakan kenderaan kerajaan atas urusan rasmi dengan lebih selesa sebagai pekerja, ibu dan juga muslimah,” katanya pada sesi perbahasan Belanjawan 2025 pada persidangan Dewan Undangan Negeri Terengganu ke-15.

Zuraida berkata, beliau difahamkan setakat ini hanya seorang pemandu wanita dilantik kerajaan negeri melalui Urus Setia Wanita Terengganu yang sudah berkhidmat sejak tahun 2020.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan prospek penjawatan pemandu wanita diperluaskan di setiap agensi kerajaan Terengganu pada masa hadapan. – KOSMO! ONLINE